

**Career Expo bantu pelajar UPM dan IPT cari pekerjaan**

Para graduan meneliti maklumat yang disampaikan daripada sebuah agensi yang menyertai pameran

SERDANG, 15 Mei – Career Expo 2012 yang berlangsung selama dua hari membantu bakal graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) serta pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian.

Ekspos dari 14 hingga 15 Mei di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM itu menarik kunjungan lebih 4 ribu bakal graduan dan graduan untuk merebut 300 peluang pekerjaan daripada 50 syarikat dan agensi yang menyertai pameran.

Pengarah Pusat Penempatan Kerjaya (CPC) UPM, Dr. Che An Abdul Ghani berkata, ekspos itu merupakan inisiatif UPM memberi pendedahan maklumat kerjaya melibatkan pelbagai sektor dan kumpulan sasaran.



“Para graduan perlu mengukuhkan cara pemikiran dengan menunjukkan keyakinan diri

yang tinggi serta membina kriteria diri yang positif.

"Majikan masa kini sangat mengambil kira kemahiran generik yang dimiliki oleh graduan semasa proses temuduga. Oleh itu, graduan perlu memiliki kemahiran insaniah, pengetahuan, kebolehan dan sikap positif bagi membolehkan mereka bersaing dalam pasaran kerja.

"Komunikasi yang baik termasuk penguasaan pelbagai bahasa memberikan kelebihan kepada graduan mendapatkan sesuatu pekerjaan," katanya.

Dr. Che An berkata ekspo itu turut mengadakan klinik resume kendalian Jabatan Tenaga Kerja dan sesi temuduga bersemuka yang membolehkan bakal graduan bertanya sendiri kepada syarikat keperluan persiapan bekerja.



Ekspo yang masuk kali kedua penganjurannya bertujuan meningkatkan kebolehdapatan dan kebolehpasaran graduan UPM dan mensasarkan sekurang-kurangnya 75% pelajar tahun akhir mengikuti program itu.

Selain itu, Career Expo 2012 bertujuan meningkatkan bilangan syarikat, agensi alumni, organisasi yang mengambil dan menemuduga graduan serta meluaskan jaringan kerjasama antara pihak industri dengan UPM.

Pelajar tahun akhir Sarjana Pendidikan Sains Pertanian, UPM, Raihana Nazihah Mazlan, 24, berkata selain mendapatkan maklumat persediaan sebelum menempuh alam kerjaya, pameran itu turut memberikan peluang dalam membuat pilihan syarikat terbaik.

Berita ini disediakan oleh Muhamad Najkhan Mazlan 03-89466130 dan foto oleh Marina Ismail 03-89466199